

## PANDUAN PERMOHONAN

Bil	Kategori	Justifikasi	Syarat Kelayakan	Dokumen diperlukan
1.	Staf KUIM.	Pengurangan sebanyak 50% daripada jumlah yuran pengajian.  Semua staf KUIM.	Berkhidmat di KUIM sepanjang tempoh pengajian.	1. Salinan K/P Pemohon  2. Salinan Kad Pekerja Pemohon  3. Salinan Kad Matrik Pemohon
2.	Anak dan tanggungan Staf KUIM.	Pengurangan sebanyak 50% daripada jumlah yuran pengajian.  “ <b>Anak-anak di Bawah Tanggungan</b> ” Manual Prosedur Perkhidmatan KUIM. (Sila rujuk lampiran).	Ibu/bapa dan penjaga merupakan staf KUIM yang berkhidmat sepanjang tempoh pengajian anak dan tanggungan.	1. Salinan K/P Staf  2. Salinan Kad Pekerja (Staf)  3. Salinan Sijil Kelahiran Pelajar  4. Salinan K/P Pelajar  5. Salinan Kad Matrik Pelajar
3.	Adik beradik Staf KUIM.	Pengurangan sebanyak 30% daripada jumlah yuran pengajian.  Merupakan saudara kandung kepada staf KUIM.	Staf KUIM tersebut, berkhidmat sepanjang tempoh pengajian adik beradik (saudara kandung).	1. Salinan K/P Pelajar dan Staf  2. Salinan Kad Pekerja (Staf)  3. Salinan Sijil Kelahiran Pelajar dan Staf  4. Salinan Kad Matrik Pelajar

**Nota:** Kelayakan pengurangan yuran pengajian akan terbatal apabila tidak mematuhi syarat yang dinyatakan di atas.

# **MANUAL PROSEDUR PERKHIDMATAN KUIM**

## **TAFSIRAN**

‘**Anak-anak di Bawah Tanggungan**’ bermaksud:

a) Anak yang di bawah umur lapan belas (18) tahun bagi seorang Anggota Perkhidmatan termasuk:

i) Anak yang lahir selepas kematian dan anak tiri tanggungan Anggota Perkhidmatan itu;

ii) Anak yang diambil sebagai anak angkat oleh Anggota Perkhidmatan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman dengan keterangan yang memuaskan mengenai pengangkatan itu; dan

b) Anak, tidak kira apa jua umurnya, yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri;

‘**Anak Angkat**’ bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat semula di bawah Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257);

‘**Anak Angkat *de facto***’ bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh Anggota Perkhidmatan sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan *de facto*, dan bagi satu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja tarikh permohonan tersebut di bawah Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257);

‘**Anak Kandung**’ bermaksud anak sendiri;

‘**Anak Pelihara**’ bermaksud seorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibubapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611);

‘**Anak Tiri Tanggungan**’ bermaksud anak kepada suami atau isteri hasil daripada perkahwinannya terdahulu yang tinggal bersama dan ditanggung nafkahnya.